



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh AWQAF Holdings Berhad yang telah bersidang pada hari Sabtu, 23 September 2023 pada jam 9.00 pagi bertempat di Al-Hamra International Integrated School, Block A, Strand Garden Office, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

KEHADIRAN PENGARAH

YBhg Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir	-	Pengerusi
Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din	-	Timbalan Pengerusi
Puan Azizah binti Abdul Rahman	-	Pengarah
YBhg Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor	-	Pengarah
Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff	-	Pengarah
Puan Rafe'ah binti Ariffin	-	Pengarah

KEHADIRAN AHLI & PROKSI

Seperti senarai kehadiran

DIJEMPUT HADIR

Encik Mohd Wazi bin Mohamad Awal	-	Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.
Encik Ahmad Hisyam Bin Kamaruzaman	-	Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.

TURUT HADIR

Puan Fattiadriati binti Mohd Tareh	-	Setiausaha Syarikat
Encik Ibrahim Adham bin Asmaill	-	Wakil Pengurusan
Puan Khairunnisa binti Mazlan	-	Wakil Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

YBhg Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali	-	Pengarah
Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali	-	Pengarah
Dr. Ridzwan bin Bakar	-	Pengarah
Encik Adli Harith bin Mahyuddin	-	Pengarah

1. UCAPAN PENERUS

YBhg Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir, selaku Penerus mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Penerus dan ahli-ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-Sepuluh Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF" atau "Syarikat").

Penerus kemudiannya memulakan AGM dengan bacaan Ummul Kitab yang turut dihadiahkan kepada:

- (i) Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim selaku Pengasas AWQAF Holdings;
- (ii) Ahli-ahli AWQAF Holdings yang telah tiada; dan
- (iii) Semua keluarga, sanak saudara sahabat handai kita yang telah tiada.

Penerus kemudiannya memperkenalkan kesemua Ahli Lembaga Penerus AWQAF, Setiausaha Syarikat dan wakil Juruaudit kepada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Penerus memaklumkan bahawa dua orang Ahli Lembaga Penerus AWQAF iaitu YBhg Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali, Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali, Dr. Ridzwan bin Bakar dan Encik Adli Harith bin Mahyuddin tidak dapat menghadiri mesyuarat hari ini atas urusan kerja.

Seterusnya Penerus memulakan mesyuarat pada jam 9.15 pagi.

2. KORUM

Setiausaha Syarikat mengesahkan sejumlah 50 orang ahli (termasuk kehadiran proksi) telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini, jumlah ini adalah seperti yang direkodkan pada jam 9.15 pagi.

Oleh itu, mesyuarat telah membentuk korum yang mencukupi untuk meneruskan mesyuarat selaras dengan Artikel 35 Perlembagaan Syarikat.

3. NOTIS MESYUARAT

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh bersama-sama dengan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan Laporan Tahunan yang telah dimuatnaik ke dalam laman web Syarikat dan turut diedarkan, dianggap telah dibaca oleh semua Ahli AWQAF.

4. PEMBENTANGAN PRESTASI SYARIKAT

Sebelum memulakan agenda mesyuarat, Pengerusi telah memberi penerangan kepada semua ahli AWQAF berkenaan prestasi dan aktiviti syarikat pada tahun 2022. Antara yang diketengahkan adalah:

Prestasi Syarikat secara Umum

- (1) Walaupun 2022 adalah tahun dan fasa ketidaktentuan ekonomi domestik mahupun global, tetapi Kumpulan AWQAF telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM3,727,211. Ini menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 68.4% berbanding tahun kewangan 2021. Pendapatan pada tahun 2022 disumbangkan daripada aktiviti pengurusan Sekolah Al-Hamra sebanyak RM2,976,452 (79.8%) dan jumlah pendapatan keseluruhan pusat kecergasan Curves sebanyak RM520,754 (14%) dan lain-lain pendapatan aktiviti pelaburan sebanyak RM230,005 (6.2%).
- (2) Kumpulan AWQAF telah mencatat keuntungan kasar berjumlah RM1,939,500 setelah menolak kos perkhidmatan sebanyak RM1,787,711. Margin keuntungan kasar Kumpulan AWQAF telah meningkat sebanyak 76% berbanding tahun kewangan 2021. Kumpulan AWQAF telah mencatatkan keuntungan bersih buat kali

pertama sejak penubuhannya dengan mencatat lebih tahun 2022 sebanyak RM16,338, dengan lebih di peringkat syarikat AWQAF sebanyak RM784,055.

- (3) Sepanjang tahun 2022, penerimaan dana Kumpulan AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM13.03 juta, pertambahan sebanyak RM36,872.10 sepanjang tahun 2022, dengan penyumbang pewakaf seramai 3,432 iaitu 735 Ahli dan 2,693 penyumbang Asas.
- (4) Antara inisiatif pihak pengurusan adalah memberi galakkan berterusan kepada para penyumbang Asas bagi meningkatkan sumbangan wakaf mereka sehingga layak mengundi sebagai ahli penuh, iaitu minimum Ahli Hadid (jumlah wakaf RM1,000). Seramai 12 penyumbang asas telah berjaya dinaiktaraf menjadi Ahli Hadid dalam tahun 2022.
- (5) Tanpa melupakan tanggungjawab Fardhu Kifayah mengagihkan manfaat hasil pewakafan yang diuruskan, AWQAF terus menjadi antara organisasi yang menghulur sumbangan kepada mereka yang memerlukan serta membantu komuniti melalui sumber dana melalui Yayasan ZuriatCARE, EduWAQF dan AWQAF4Health, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi-sabilillah AWQAF untuk manfaat masyarakat. Jumlah agihan manfaat keseluruhan Kumpulan AWQAF bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM162,062.
- (6) AWQAF melalui Tabung EduWAQF akan terus mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa pelajar-pelajar dan institusi-institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf, selari dengan salah satu matlamat dan tujuan Maqasid Syariah yang telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah keseluruhan agihan dana Tabung EduWAQF & AWQAF4Health adalah sebanyak RM460,730.
- (7) Kumpulan AWQAF telah memulakan langkah aktif dengan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi kelangsungan perniagaan dan kesinambungan aktiviti untuk mencapai objektif organisasi. Bagi

memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF untuk lima tahun yang akan datang, barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan AWQAF akan memberi fokus utama portfolio pelaburan kepada 4 industri penting iaitu kesihatan, pendidikan, hartanah dan teknologi digital.

Portfolio Pelaburan Pendidikan

- (8) AWQAF Holdings Berhad melalui anak syarikat AWQAF Education Sdn Bhd akan terus menambah nilai pelaburan dalam sektor pendidikan di dalam Sekolah Antarabangsa Integrasi Al-Hamra di Kota Damansara. Satu inisiatif pelaburan yang penting untuk diteruskan bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamandun dan generasi akan datang.
- (9) Pihak pengurusan juga telah berusaha merancang beberapa aktiviti pemasaran dengan lebih strategik sebagai usaha menambah lebih ramai pelajar Al-Hamra Integrated School yang mempunyai kapasiti bangunan yang boleh menampung jumlah pelajar sehingga 600 orang.

Portfolio Pelaburan Kesihatan, Kecergasan & Kesejahteraan

- (10) Selepas kejayaan pembukaan cawangan pertama di Bukit Jelutong pada tahun 2020, AWQAF telah membuka cawangan CURVES yang kedua di Setia Alam pada Januari 2022. Pencapaian prestasi pendapatan yang sangat baik daripada kedua-dua cawangan ini, telah mendorong AWQAF membuka cawangan CURVES yang ketiga pada bulan Ogos 2023, di Bangi Sentral, Bandar Baru Bangi.
- (11) Inisiatif pelaburan ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan wakaf dalam industri kesihatan dan kecergasan, tetapi ianya juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para wanita di Malaysia untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan

gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar (circuit training), dan paling penting selamat untuk wanita.

- (12) Dengan keyakinan terhadap komitmen pasukan jurulatih CURVES dan tadbir urus pihak pengurusan yang berkesan dan berpengalaman, AWQAF berbesar hati menawarkan peluang pelaburan dan kerjasama kepada ahli AWQAF yang berminat untuk membuka cawangan CURVES bersama-sama dengan AWQAF di beberapa lokasi strategik yang telah dikenalpasti, iaitu Johor Bahru, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.
- (13) Di dalam portfolio ini, Kumpulan AWQAF meletakkan sasaran untuk membuka 3 - 4 outlet bagi 2 tahun akan datang. Kumpulan AWQAF membuka peluang kepada Ahli-ahli sama ada korporat atau individu yang berminat bekerjasama dengan AWQAF untuk membuka cawangan baru CURVES.
- (14) Kumpulan AWQAF juga telah memulakan perkhidmatan pusat jagaan warga emas dengan menyewa sebuah bangunan di Jalan Damai, Kuala Lumpur di bawah pengurusan anak syarikat Damai Senior Care Centre Sdn Bhd. Perkhidmatan Damai Senior Care Centre ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030.
- (15) Senarai perkhidmatan yang disediakan Damai Senior Care Centre ini termasuk servis rehabilitasi, penjagaan dementia, pengurusan luka dan stoma, ambulans, fisioterapi, hidroterapi dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Penyediaan dan penjagaan yang holistik di pusat jagaan ini akan menjadi pusat sehenti pilihan bagi semua warga emas yang menginginkan khidmat pusat jagaan terbaik.

Portfolio Lain-lain Pelaburan

- (16) Lain-lain aktiviti pelaburan dan penjanaan pendapatan AWQAF juga termasuk melalui pembiayaan Mesin Echocardiography serta lain-lain pelaburan.

- (17) AWQAF bersama pihak penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press) telah menerbitkan buku biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk "Muhammad Ali Hashim : Champion of Business Jihad & Corporate Waqf". Buku biografi ini telah dilancarkan pada 27hb Jun 2022 oleh Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu.

Buku berbahasa inggeris ini ditulis oleh Professor Rokiah Talib, seorang penulis yang cukup berpengalaman luas dalam menerbitkan buku biografi beberapa tokoh terkemuka sebelum ini. Buku biografi ini merupakan buku yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pengurusan organisasi dan perniagaan.

Turut terkandung di dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pembangunan sosioekonomi demi mengukuhkan kesejahteraan Ummah sejagat. Buku telah dicetak sebanyak 2,000 naskah dan dijual pada harga pasaran RM120.00. Jumlah buku yang telah terjual dan diedarkan untuk rujukan adalah sebanyak 1,600 naskah.

- (18) Yayasan ZuriatCARE telah mendapat kelulusan penubuhannya oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2020. Di bawah pimpinan pengerusinya iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan dan dipertanggungjawabkan sebagai badan amal fi-sabilillah. Bagi tahun 2022, jumlah dana keseluruhan sumbangan yang diterima oleh ZuriatCARE adalah sebanyak RM118,150. Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM97,098.

5. TAKLIMAT PENGUNDIAN

Pengerusi memaklumkan proses pengundian semua resolusi seperti yang tertera di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh adalah secara pengundian dengan Bilangan Hak Undi (*polling*) dan bukan secara Mengangkat Tangan (*show of hands*).

Setiap ahli-ahli yang hadir sendiri atau melalui proksi adalah mempunyai satu (1) undi bagi untuk setiap RM1,000 wakaf keahlian yang dipegangnya. Perincian bilangan undi adalah seeperti berikut:

- (i) Ahli Hadid mempunyai 1 undi,
- (ii) Ahli Fiddhah – 10 undi,
- (iii) Ahli Zahab – 100 undi,
- (iv) Ahli Zamrud – 500 undi; dan
- (v) Ahli Balatin – 1000 undi.

Setiausaha Syarikat kemudiannya memberi taklimat kepada hadirin tentang proses pengundian yang akan melibatkan pengisian Kertas Undian setelah semua Resolusi yang diusulkan dalam mesyuarat hari ini selesai dibentangkan. Keputusan berkenaan setiap resolusi akan diumumkan selepas proses pengiraan undi selesai.

Pengerusi kemudian meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh dengan urusan rasmi mesyuarat.

6. MEMBINCANGKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 BERSERTA LAPORAN PENGARAH DAN JURUAUDIT

Pengerusi memaklumkan bahawa Agenda berkenaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit hanya untuk tujuan perbincangan dan tidak memerlukan kelulusan dari ahli AWQAF. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Seksyen

340(1)(a), Akta Syarikat 2016. Oleh itu, tiada pengundian akan dibuat untuk Agenda ini.

Salinan Laporan Tahunan 2022 yang mengandungi Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun berakhir 31hb Disember 2022 beserta Laporan Para Pengarah dan Juruaudit telah dimuat naik ke laman web AWQAF Holdings Berhad dan telah pun diedarkan kepada semua ahli AWQAF sebelum tarikh Mesyuarat Agung berlangsung.

Kesemua Ahli AWQAF yang hadir bersetuju bahawa Laporan Tahunan 2022 tersebut dianggap telah dibaca dan sedia untuk dibincangkan.

Pengerusi kemudiannya menjemput Puan Khairunnisa Mazlan selaku Pengurus kewangan Kumpulan AWQAF untuk membentangkan kepada ahli AWQAF Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit.

Selesai pembentangan, Pengerusi telah membuka sesi soal jawab kepada semua ahli AWQAF untuk bertanya soalan atau mengutarakan pandangan berkenaan laporan-laporan yang dibentangkan.

Memandangkan tiada soalan yang diajukan dari ahli AWQAF, Pengerusi meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan dengan agenda seterusnya.

7. RESOLUSI 1(a), 1(b) dan 1(c)

Untuk Resolusi 1 (a)(b) dan (c) ini, Tuan Haji Mohamad Sahar Mat Din selaku Timbalan Pengerusi AWQAF telah mengambilalih tempat YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir sebagai Pengerusi mesyuarat.

Resolusi 1 (a)

PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – YBHG. TAN SRI SITI SA'DIAH BINTI SHEIKH BAKIR

Resolusi pelantikan semula YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(a) telah dicadangkan oleh Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff dan disokong oleh Encik Razali bin Ramli.

Resolusi 1 (b)

PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT GILIRAN MENURUT ARTIKEL 56 ARTIKEL SYARIKAT – PUAN AZIZAH BINTI ABDUL RAHMAN

Resolusi pelantikan semula Puan Azizah binti Abdul Rahman yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(b) telah dicadangkan oleh Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor dan disokong oleh Puan Nor Kamisah Abd Majid.

Resolusi 1(c)

PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT GILIRAN MENURUT ARTIKEL 56 ARTIKEL SYARIKAT – DR RIDZWAN BIN BAKAR

Resolusi pelantikan semula Dr. Ridzwan Bin Bakar (Pengerusi Jawatankuasa Audit) yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat telah dibentangkan.

Memandangkan Dr. Ridzwan Bakar tidak dapat hadir pada hari mesyuarat, namun bagi tujuan Resolusi 1(a) ini pihak AWQAF dan Setiausaha Syarikat telah pun menerima surat daripada beliau yang menyatakan kesediaan untuk dilantik semula sebagai Pengarah Awqaf Holdings Berhad.

Resolusi 1(c) telah dicadangkan oleh Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor dan disokong oleh Encik Azrizal Husin.

8. RESOLUSI 2

Meneruskan ke Resolusi dan agenda seterusnya, YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir telah mengambilalih semula tempat sebagai Pengerusi mesyuarat.

PELANTIKAN SEMULA TETUAN WAN NADZIR & CO SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT BAGI TAHUN BERIKUTNYA DAN MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENETAPKAN IMBUHAN MEREKA.

Resolusi pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya pada imbuhan yang akan dipersetujui oleh Pengarah dan Juruaudit telah dibentangkan.

Resolusi 2 telah dicadangkan oleh Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor dan disokong oleh Tuan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din.

9. PROSES PENGUNDIAN

Setelah semua resolusi-resolusi selesai dibentangkan oleh Pengerusi Mesyuarat, semua Ahli AWQAF diminta untuk mengisi Kertas Undian masing-masing dan menyerahkan kertas undian mereka kepada Sekretariat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sementara menunggu Sekretariat dan Setiausaha Syarikat membuat pengiraan undi, Mesyuarat telah ditangguhkan selama 10 minit.

10. KEPUTUSAN PENGUNDIAN

Setelah selesai proses pengiraan undi, Pengerusi memanggil semula mesyuarat untuk bersidang dan mengumumkan keputusan pengundian bagi semua resolusi yang dibentangkan.

(a) Keputusan bagi Resolusi 1 (a)

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(a) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi dengan jumlah undian keseluruhan 3038 undian.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisytiharkan Resolusi 1(a) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu YBhg. Tan Sri Siti Sa’diah binti Sheikh Bakir adalah diterima.”

(b) Keputusan bagi Resolusi 1 (b)

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(b) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi dengan jumlah undian keseluruhan 3038 undian.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisytiharkan Resolusi 1(b) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu Puan Azizah binti Abdul Rahman adalah diterima.”

(c) Keputusan bagi **Resolusi 1 (c)**

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(c) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli AWQAF yang layak mengundi dengan jumlah undian keseluruhan 3038 undian.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisytiharkan Resolusi 1(c) telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu Puan Dr. Ridzwan Bin Bakar adalah diterima.”

(d) Keputusan bagi **Resolusi 2**

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 2 telah diterima dan dipersetujui oleh majoriti Ahli AWQAF yang layak mengundi, dengan jumlah undian sebanyak 3027 undian.

Pengerusi mengisytiharkan Resolusi 2 telah diluluskan seperti berikut:

“DENGAN INI ketetapan untuk pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit Syarikat dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka adalah diterima.”


12. LAIN-LAIN URUSAN PERNIAGAAN DAN PENUTUPAN MESYUARAT

Oleh kerana tiada notis diterima untuk melakukan lain-lain urusan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh (seperti disahkan oleh Setiausaha Syarikat), Pengerusi mengakhiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sepuluh dengan ucapan terima kasih pada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Mesyuarat ditamatkan pada pukul 10.45 pagi dengan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan seluruh Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli AWQAF yang hadir.


Pengerusi kemudiannya menjemput dan mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Pengarah, ahli-ahli AWQAF dan para jemputan yang lain untuk turut sama menghadiri Majlis AWQAF Insight: Membentuk Masa Depan Wakaf dan Pendidikan bersama-sama warga kerja dan ibubapa pelajar Al Hamra Integrated School.

Minit disediakan oleh,




Puan Fatintafrina Binti Mohd Tareh
Setiausaha Syarikat
Tarikh: 06.10.2023

Minit disemak oleh,



En. Abdul Mohsein bin Mohd Shariff
Pengarah Eksekutif
Tarikh: 06.10.2023

Minit disahkan oleh,



YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir
Pengerusi
Tarikh: 06.10.2023